



PRESS INFO

MAKLUMAT MENGENAI PENGASINGAN DIRI (*SELF-ISOLATION*) BAGI INDIVIDU-INDIVIDU YANG KEMBALI KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DARI REPUBLIK RAKYAT CHINA

1. Sebagai sebahagian dari respons kebangsaan terhadap situasi Coronavirus Baru (2019 n-CoV) yang sedang melanda beberapa kawasan di Republik Rakyat China dan beberapa buah negara lain, Kementerian Kesihatan telah memperkenalkan **dasar pengasingan diri (*self-isolation*)** bagi individu-individu yang telah kembali atau akan kembali ke Negara Brunei Darussalam dari Republik Rakyat China.

2. Dasar ini mengandungi perkara-perkara berikut:
 - I. **Pertama:** Sesiapa yang telah berada di Republik Rakyat China dalam masa 14 hari sebelum tiba di Negara Brunei Darussalam dan dibenarkan masuk ke Negara ini akan dikehendaki untuk menjalani pengasingan diri (*self-isolation*) selama 14 hari;
 - II. **Kedua:** Rakyat atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang sedang berada di Republik Rakyat China (tanpa mengira wilayah) boleh dibenarkan untuk masuk kembali ke Negara Brunei Darussalam. Mereka akan dikehendaki untuk menjalani pengasingan diri (*self-isolation*) selama 14 hari. Dalam pada itu, mana-mana rakyat atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang sakit dan sedang berada di Republik Rakyat China adalah dinasihatkan untuk menangguhkan kepulangan mereka ke Negara ini dan adalah dinasihatkan untuk mendapatkan bantuan pihak Kedutaan Negara Brunei Darussalam di Republik Rakyat China untuk nasihat selanjutnya; dan
 - III. **Ketiga:** Apabila tiba di Negara Brunei Darussalam, mereka hendaklah pergi ke kaunter Kesihatan Pelabuhan dan maklumkan kepada kakitangan yang bertugas yang mereka baru tiba dari Republik Rakyat China. Borang

akan diberikan untuk diisikan dan maklumat pengasingan diri untuk membantu orang tersebut semasa tempoh pengasingan akan diberikan.

3. Dalam masa yang sama, orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak berkunjung ke Republik Rakyat China dan menangguhkan perjalanan yang tidak penting ke Republik Rakyat China. Ini adalah bagi mengawal kemasukan penyakit berkenaan ke Negara ini yang mana telah diketahui dapat menjangkiti dari manusia ke manusia.
4. Individu-individu yang memenuhi kriteria pengasingan diri, adalah diwajibkan, di bawah Akta Penyakit Berjangkit, Bab 204, untuk **menahan diri dari sebarang kegiatan-kegiatan awam**, dan **memantau kesihatan mereka** selama 14 hari dari tarikh kedatangan kembali ke Negara Brunei Darussalam.
5. Kementerian Kesihatan menasihati orang ramai untuk tidak merasa cemas atau panik mengenai situasi ini. Dasar pengasingan diri ini telah diperkenalkan untuk memastikan kesihatan serta kesejahteraan individu-individu terjejas dan masyarakat umum akan dilindungi. Kementerian Kesihatan menggesa bagi mendapatkan kerjasama orang awam, para majikan, dan pihak-pihak berkepentingan lain dalam perlaksanaan dasar ini.
6. Orang ramai boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai dasar pengasingan diri (self-isolation) ini di laman sesawang Kementerian Kesihatan di **www.moh.gov.bn** atau menghubungi Bahagian Kawalan Penyakit melalui emel di **dcd.bruhims@moh.gov.bn** atau melalui telefon di talian **2380316 / 2380318**.

-TAMAT-

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 10 Jamadilakhir 1441 / 4 Februari 2020